

# STPM Kertas 1 2014:

## Soalan 2

Pada 1 Januari 2012, Vincent Enterprise telah memulakan perniagaan dengan modal yang disumbangkan oleh pemiliknya sebanyak RM50,000. Perniagaan ini mengamalkan sistem inventori berterusan. Yang berikut ialah urus niaga yang berlaku sepanjang tahun 2013.

- (1) Urus niaga belian dan jualan inventori sepanjang tahun 2011 adalah seperti di bawah.

| Tarikh       | Urus niaga          |                     | Baki unit |
|--------------|---------------------|---------------------|-----------|
|              | Belian              | Jualan              |           |
| 01 Januari   | 1,000 unit @ RM2.00 |                     | 1,000     |
| 15 Januari   |                     | 300 unit @ RM5.00   | 700       |
| 01 Februari  |                     | 500 unit @ RM6.00   | 200       |
| 01 April     | 2,000 unit @ RM3.00 |                     | 2,200     |
| 30 Jun       |                     | 400 unit @ RM6.00   | 1,800     |
| 30 Jun       |                     | 700 unit @ RM6.50   | 1,100     |
| 15 September | 1,500 unit @ RM3.50 |                     | 2,600     |
| 01 November  | 700 unit @ RM3.70   | 500 unit @ RM7.00   | 2,800     |
| 20 November  |                     | 1,500 unit @ RM7.00 | 1,300     |

- (2) Pada 1 Januari 2013, Vincent Enterprise telah membeli sebuah van terpakai pada harga RM23,000 dengan membayar RM10,000 secara tunai dan bakinya dibayar menggunakan pinjaman bank dengan kadar faedah 6% setahun. Van itu dijangka dapat digunakan bagi tempoh lima tahun dengan nilai sisa RM5,000, dan akan disusut nilai dengan menggunakan kaedah jumlah angka tahun. Bayaran pokok dan faedah pinjaman itu perlu diselesaikan pada akhir tahun.
- (3) Pada 1 Julai, Vincent Enterprise memperoleh pinjaman daripada Bank Global sebanyak RM100,000 dengan kadar faedah 5% bagi tempoh lima tahun. Faedah atas pinjaman dibayar dua kali setahun, iaitu pada 1 Januari dan 1 Julai setiap tahun.
- (4) Belanja pentadbiran sepanjang tahun ialah RM12,000 dengan tidak mengambil kira belanja faedah dan belanja susut nilai.

### Dikehendaki:

- (a) Sediakan , bagi Vincent Enterprise,

- Catatan jurnal untuk merekodkan pembelian van dan pinjaman bank,  
(2 markah)
- Catatan jurnal pelarasan berkaitan van dan perolehan pinjaman bank,  
(5 markah)
- Penyata pendapatan perbandingan antara kaedah pengekos inventori masuk dulu keluar dulu (MDKD) dengan kaedah pengekos inventori masuk kemudian keluar dulu (MKKD).  
(11 markah)

- (b) Berikan justifikasi perbezaan nilai kos barang dijual antara kaedah MDKD dengan kaedah MKKD.  
(2 markah)